

Tarbiyah Pengasas Siri 54

4 Julai 2023

IMEJ PERIBADI IDEAL WARGA ISDEV

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan Dr Murni Yusoff

Apakah imej peribadi yang ideal bagi warga ISDEV?

Jawapan

1. **Maksud imej peribadi** = Gambaran yang muncul dari sifat dan keterampilan seseorang, sehingga ia menjadi axiom/pandangan dan persepsi yang diterima umum
2. Misalnya:
 - (i) Di kampong saya
 - (a) Seorang budak dipandang cerdik kerana pandai membaca surat khabar
 - (b) Dua orang budak diiktakan pandai kerana mengulangkaji di tepi pantai
 - (c) Seorang dipandang kaya kerana mempunyai rumah besar dan hidup mewah
 - (d) Satu keluarga dipandang kelas atasan kerana cantek, hidup berasingan, tidak bergaul dengan penduduk umum

(ii) Di USM

- (a) Ada pensyarah dipandang negatif kerana suka marah-marah dan perintah-perintah staf pentadbiran
- (b) Ada pensyarah dipandang suka gaduh-gaduh dalam mesyuarat
- (c) Ada pensyarah dikatakan sexy kerana pakaiannya
- (d) Ada pensyarah yang dipandang baik kerana bercakap lemah lembut dan sopan
- (e) Ada pelajar dipandang berfikiran kiri kerana selalu sebut fasal Karl Marx
- (f) Ada pelajar dianggap golongan dakwah kerana selalu bawa Qur'an dan berpakaian secara Islam

3. **Sumber imej** - Imej seseorang boleh:

- (i) Lahir secara semula jadi, misalnya orang kaya, orang miskin, berkarisma, dan sebagainya
- (ii) Dibina secara khusus
 - (a) Misalnya *self-image* (gambaran peribadi, atau gambaran mental yang kita ada tentang diri kita sendiri)

- (b) Ada empat jenis *self-image*: *the public self, the self-concept, the actual or behavioral self, dan the ideal self*)
- (c) Ada juga *body-image* (bagaimana kita berfikir dan rasa tentang fizikal kita, dan bagaimana kita percaya orang memandang kita).
- (d) Yang lebih penting ialah bagaimana imej kita di mata orang, bagaimana orang memandang kita (sama ada positif atau negatif)
- (e) Atas sebab itulah, ada orang tertentu, misalnya pemimpin dan artis, yang ada penasihat imej untuk menasihati tentang cara berjalan, cara bercakap, cara berpakaian, cara diri kemas, cara bergestures, dan sebagainya. Malah penasihatannya imej telah menjadi satu profesion/kerjaya yang lumayan.

4. Bagaimana dengan **imej peribadi warga ISDEV?**
5. Warga ISDEV datang daripada pelbagai latarbelakang keluarga, pergaulan, kerjaya, perjuangan. Ini semua secara otomatis mewujudkan imej peribadi masing-masing.
6. ISDEV kena perkemas dan satukan semua imej ini menjadi satu imej yang sesuai dengan minda dan perjuangan ISDEV. Ia tentu tidak mudah.
7. Imej ideal peribadi warga ISDEV patut bersandar kepada dua imej utama:

- (i) **Imej intelektual** (sesuai ISDEV sebagai sebuah institusi akademik), dan
 - (ii) **Imej seorang Islam** (sebagai Muslim)
8. Antara kedua imej ini, apa yang menentukan apa?
 9. Jawapan: Imej Islam/Muslim menentukan imej intelektual
→ Intelektual Islam, bukan sebaliknya
 10. Sifat Muslim: Iman dan taqwa → menyerlah keluar mengikut kepakaran, kerjaya dan kehidupan masing-masing sehingga membina sebuah imej peribadinya
 11. Imej ideal seorang intelektual Muslim/ISDEV yang berteraskan kepada iman dan taqwa merangkumi **tiga komponen utama**, yakni (1) Sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) (2) Sifat-sifat operasional yang positif (3) Keupayaan operasional yang kreatif
 - (i) Mempunyai **sifat-sifat terpuji (*mahmudah*)** seperti tawadho', redho, *ukhwah fillah*, pemaaf, membantu, berkasih sayang, berintegriti, jujur, bertanggungjawab, berani, tidak ujub, tidak riyak, tidak iri hati, tidak berhasad dengki, dan sebagainya dengan penuh Rasa Bertuhan dan Rasa Kehambaan
 - (ii) Mempunyai **sifat-sifat operasional yang positif** seperti berketerampilan kemas, logik, adil, berlapang dada, ketelitian (*conscientiousness*), kestabilan emosi (*emotional stability*), keterbukaan, bersedia bersetuju (*agreeableness*), fokus (misalnya tidak main *handphone* ketika berbincang atau melayani tamu), kedudukan dalam *posture* yang

menumpukan perhatian, cerdik dan bijaksana (bukan pandai semata-mata), belajar daripada kesilapan, komited, pengurusan masa, penyelesaian masalah, kebolehan mengikut arahan pemimpin, kreatif, berdikari, tabah, empati (kebolehan berkongsi rasa dan pengalaman), dan sebagainya

- (iii) Mempunyai **keupayaan operasional yang kreatif** seperti:
 - (a) Mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi tentang sesuatu, terutama yang berkaitan dengan bidang kepakarannya
 - (b) Berminat dalam idea yang komplikated dan gembira meneliti/mengkaji dan berfikir secara teliti
 - (c) Keupayaan menghubungkan idea yang luas dan menganalisis persamaan dan perbezaan antara idea tersebut
 - (d) Berupaya menghubungkan pelbagai variabel dan *casual-effects* sesuatu fenomena
 - (e) Keupayaan meneliti yang tersirat (bukan yang tersurat semata-mata)
 - (f) Keupayaan berfikir secara analitikal, kritikal, kompleks, hati-hati (*careful thinking*) (bukan berfikiran *literal* atau *linear* semata-mata)

- (g) Keupayaan berfikir dan berminat kepada perkara yang besar-besar (bukan yang remeh-temeh)
 - (h) Berupaya menggabungkan antara keseriusan berfikir dan bercakap dalam bidangnya dengan gurau senda dan sentuhan peribadi yang menghiburkan
12. Ringkasnya, imej ideal peribadi warga ISDEV mesti terbina daripada tiga set komponen utama di atas, yakni:
- (1) Sifat-sifat terpuji (mahmudah)
 - (2) Sifat-sifat operasional yang positif
 - (3) Keupayaan operasional yang kreatif